

## **Pengaruh Ekspresi Mohd Shaari bin Salleh Terhadap Masyarakat di Sabah Melalui Arca ‘The Protector’**

Rohasmezan Hashim<sup>1</sup>, Baharudin Hj. Mohd Arus<sup>2</sup> dan Zaimie Bin Sahibil<sup>3</sup>

### **Abstrak**

Arca sebagai alat untuk meluahkan perasaan pengarca kepada masyarakat. Arca adalah karya seni berbentuk tiga dimensi diolah dari pelbagai bahan dan teknik mengandungi mesej tersurat serta tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarca kepada masyarakat. Kajian ini akan membuktikan pengaruh perasaan pengarca kepada masyarakat disalurkan melalui arca. Kajian ini menggunakan teori ikonografi yang direka oleh Erwin Panofsky dan teori kritikan psikoanalisis yang direka oleh Sigmund Freud bagi mengeluarkan ikon dan perasaan pengarca pada bentuk dan makna arca “Protector” yang dihasilkan oleh Mohd. Shaari bin Salleh. Kajian teori ikonografi mempunyai tiga peringkat iaitu peringkat asas yang mengkaji bentuk luaran arca yang diolah dari pelbagai jenis garisan bagi menimbulkan jalinan sentuh dan bentuk organik. Kajian peringkat kedua adalah peringkat sekunder yang mengkaji komposisi asas seni reka iaitu garisan, jalinan, dan bentuk bergabung mewujudkan ikon figura manusia. Akhir sekali, peringkat interinsik iaitu kajian makna dalaman arca yang mengandungi kajian peringkat pertama dan kedua membentuk satu ikon yang membawa cerita tentang pahlawan dari etnik Iban di Sabah. Kajian kritikan psikoanalisis bagi mengesan pemikiran, perlakuan, dan perasaan pengarca menghasilkan arca. Pengarca menyelami perasaan seorang pahlawan yang mempunyai pelbagai emosi bagi mempertahankan budayanya. Kajian ikonografi dan kritikan psikoanalisis terhadap arca “Protector” yang dihasilkan oleh Mohd. Shaari bin Salleh telah mengesan pengaruh ekspresi pengarca terhadap masyarakat di Sabah. Arca menjadi alat untuk meluahkan perasaan yang dialami oleh pengarca lalu disampaikan kepada masyarakat.

### **Kata kunci :**

Seni arca, Ekspresi, Ikonografi, Kritikan Psikoanalisis, Apresiasi seni dan Budaya

### **Pengenalan**

Arca berada di sekeliling manusia yang berupa pelbagai jenis iaitu arca meja, arca dinding, arca ‘Free standing’, arca bertapak, arca kinetik, arca mercu tanda (Arca awam), dan arca instalasi. Arca menjadi sebahagian objek dalam kehidupan seharian manusia secara mereka sedar atau tidak sedar. Arca bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan tetapi ia mempunyai mesej kepada masyarakat. Arca juga sebagai alat untuk meluahkan perasaan pengarca kepada masyarakat.

Arca adalah karya seni berbentuk tiga dimensi diolah dari pelbagai bahan dan teknik mengandungi mesej tersurat serta tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarca kepada masyarakat. Terdapat pelbagai bahan yang digunakan bagi membina bentuk arca iaitu kayu,

---

<sup>1</sup> Fakulti Kemanusiaan, Seni, dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (rohasmezanhashim@gmail.com)

<sup>2</sup> Fakulti Kemanusiaan, Seni, dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (arusbaha@yahoo.com)

<sup>3</sup> Fakulti Kemanusiaan, Seni, dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (Dasarlaut70@yahoo.com.my)

batu, besi, simen, dan lain-lain lagi. Teknik ukir, tebuk, pateri, paku, gam, acuan, dan lain-lain lagi digunakan bagi mengolah bahan menjadi arca.

Pengarca mendapat idea untuk menghasilkan arca melalui pengalamannya bersama masyarakat di sekeliling dalam kehidupan seharian. Semasa membuat lakaran, model, dan arca, pengarca telah mengalirkan perasaannya melalui olahan ekspresi visual. Kajian ini akan memberi panduan menginterpretasi arca dan membuktikan kesan pengaruh perasaan pengarca kepada masyarakat disalurkan melalui arca.

Sejarah seni arca moden di Sabah dikesan bermula pada tahun 1970-an. Antara pengarca yang terawal adalah Mohd. Junaidi Ismail dan Philip Ricardo Biji dari tahun 1970-an hingga 1980-an. Pada tahun 1990-an, pengarca yang aktif adalah Mohd. Shaari Salleh, Ahmad Shah Ag. Tengah, Syora Buraera, Chee Sing Teck, dan Maikol Yapat. Kebanyakan arca dihasilkan dengan menekankan unsur formalistik iaitu pengolahan asas seni reka yang mewujudkan gaya abstrak yang tidak dapat difahami dengan penglihatan yang bersahaja tetapi dengan kajian visual. Tema arca berkisar tentang negeri Sabah dan menggunakan media atau bahan besi, tembikar, dan kayu (Ismail Ibrahim, 2005: 116).

Mohd. Shaari Salleh adalah salah seorang pengarca yang aktif pada tahun 1990-an di Sabah. Beliau dilahirkan pada tahun 1971 dan telah mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Kobota, daerah Tawau, Sabah pada tahun 2010. Kini beliau berada di mukim Triang, daerah Bera, Pahang. Beliau telah mengikuti pameran Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah pada tahun 2000, 2006, 2010, dan 2012 di Balai Seni Lukis Sabah. Pameran Karya Undangan pada tahun 2011 juga di Balai Seni Lukis Sabah (Katalog Pameran). Beliau mengadakan pameran solo di Kayu Manis Cafe Gallery pada tahun 2009 dan di Balai Seni Lukis Sabah pada tahun 2010 (Borneo Post Online).

Perasaan dan seni mempunyai hubungan yang kuat dalam diri manusia. Perasaan lahir semasa menghasilkan karya seni dan perasaan teransang apabila melihat karya seni (Jurist, 2006: 1315). Psikologi sosial adalah berkisar tentang hubungan individu dan kumpulan lain kerana ia mempengaruhi tingkah laku individu. Ia mengkaji kognisi sosial, pengaruh sosial, dan hubungan sosial, serta bagaimana kita berfikir, mempengaruhi, dan berkaitan dengan satu sama lain (Harison et. all, 2008: 139). Pengarca terdiri dari ahli masyarakat telah berkomunikasi dalam pelbagai aktiviti kehidupan seharian. Pengarca melalui pengalamannya telah meluahkan perasaan dalam proses penghasilan arca.

### **Bahan dan Kaedah Kajian**


Arca 'The Protector' yang dihasilkan oleh Mohd. Shaari Salleh diperbuat daripada bahan besi. Arca ini dihasilkan pada tahun 2012 dan berukuran 203 sentimeter lebar, 127 sentimeter panjang, serta 76 sentimeter tinggi. Ia menjadi koleksi Balai Seni Lukis Sabah. Sila rujuk rajah 1, untuk melihat arca dari sudut pandangan hadapan, sudut pandangan belakang, sudut pandangan kanan, dan sudut pandangan kiri.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat kajian lapangan di Balai Seni Lukis Sabah melalui cara memerhati arca, mengambil gambar arca, dan merekod maklumat arca. Kajian ini mengaplikasikan teori ikonografi yang direka oleh Erwin Panofsky. Rajah 2 menunjukkan teori ikonografi dibahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat asas, peringkat sekunder, dan peringkat interinsik. Peringkat asas mengkaji maklumat dan

bentuk luaran arca. Peringkat sekunder mengkaji komposisi asas seni reka dan ikon. Akhir sekali, peringkat interinsik mengkaji makna dalaman arca (Panofsky, 1955: 28).

Rajah 3 menunjukkan pengaplikasian teori kritikan psikoanalisis yang telah direka oleh Sigmund Freud bagi mengesan pemikiran, perlakuan, dan perasaan pengarca semasa menghasilkan arca. Teori kritikan psikoanalisis memberi kita model asas untuk mengkaji bagaimana otak kita berfungsi. Ia juga mengkaji perlakuan yang tersembunyi antara pemikiran yang sedar atau tidak sedar adalah kesan kepada pemikiran, perlakuan, dan perasaan kita (Abdolbaghi Rezaei et. all, 2013: 1910).

**Rajah 1. Arca Mohd. Shaari Salleh bertajuk ‘The Protector’.**




(i) Pandangan dari hadapan

(ii) Pandangan dari belakang


(iii) Pandangan dari kanan

(iv) Pandangan dari kiri

**Rajah 2. Teori Ikonografi (Erwin Panofsky).**



**Rajah 3. Teori Kritikan Psikoanalisis (Sigmund Freud).**




### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kajian ikonografi pada peringkat pertama dijalankan bagi mengkaji maklumat dan bentuk luaran arca. Kajian ini dapat dilihat pada rajah 4, dalam lakaran (i), iaitu struktur arca yang berfungsi sebagai rangka asas kepada bentuk arca. Arca dibina dengan menggunakan bahan besi dengan olahan teknik pateri. Pada rajah 5, elemen formal dapat kita lihat, bagaimana pengarca mengolah unsur seni reka iaitu garisan, rupa, dan bentuk. Lakaran (i) iaitu garisan dapat dibahagikan kepada empat iaitu (a) garisan menegak, (b) garisan melintang, (c) garisan menyerong, dan (d) garisan melengkung. Garisan menegak, melintang, menyerong, dan melengkung diolah oleh pengarca pada bentuk keseluruhan arca. Rod besi menjadi garisan konkrit bagi membina bentuk arca. Lakaran (ii) iaitu rupa dibahagikan kepada empat iaitu (a) Rupa organik, (b) Rupa mata, (c) Rupa geometrik, dan (d) Rupa tapak tangan. Rupa organik adalah rupa yang tidak mempunyai sudut diolah pada bahagian tepi kiri dan kanan muka arca.

Rupa mata diolah pada hadapan kepala arca. Rupa geometrik adalah rupa bersudut yang boleh diukur diolah pada atas kepala arca. Rupa tapak tangan diolah pada tangan kanan dan tangan kiri arca. Lakaran (iii) iaitu bentuk dibahagikan kepada empat iaitu (a) Bentuk nat, (b) Bentuk separa lonjong, (c) Bentuk geometrik bergabung, dan (d) Bentuk taring. Bentuk nat, bentuk separa lonjong, bentuk geometrik bergabung, dan bentuk taring diolah pada kalung arca.

Kajian pada peringkat kedua iaitu peringkat sekunder, dari olahan garisan, rupa, dan bentuk membentuk imej atau ikon yang menyerupai figura pahlawan Iban. Rajah 6 menunjukkan lakaran struktur keseluruhan arca, gambar pahlawan Iban, gambar topeng Iban, dan gambar perisai Iban. Di sini kita melihat hubungan antara bentuk arca dengan ikon yang berada dalam masyarakat Iban iaitu ikon pahlawan Iban, ikon topeng Iban, dan ikon perisai Iban. Perbandingan ini menunjukkan arca menggambarkan pahlawan Iban yang memakai topeng. Pahlawan Iban biasanya berperang dengan menggunakan parang dan perisai. Perisai dihiasi dengan motif topeng yang menakutkan dengan mata yang bulat dan gigi yang jongang keluar bagi menakutkan musuh, pahlawan akan berasa megah dan teransang bila menggunakan perisai ini.

**Rajah 4. Elemen Formal Pada Struktur Arca 'The Protector'.**



(i) Struktur arca


**Rajah 5. Elemen Formal Dalam Bentuk Luaran Arca 'The Protector'.**




a




a




a



**Rajah 6. Perbandingan Lakaran Struktur Arca, Gambar Pahlawan Iban, dan Gambar Topeng Iban, dan Gambar Perisai Iban.**



(i) Lakaran struktur keseluruhan arca



(ii) Pahlawan Iban



(iii) Topeng Iban



(iv) Pahlawan bersama perisai Iban yang mempunyai motif topeng

\*Sumber : Gambar (ii), (iii), dan (iv) (Augustine Anggat Ganjing. Terjemahan - Jonathan Singki. 1991. *Asas Ukiran Iban - Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. pp. 192).

Kajian peringkat ketiga iaitu peringkat interinsik mengkaji makna dalaman arca yang mengandungi kajian peringkat pertama dan kedua membentuk satu ikon yang membawa cerita tentang pahlawan dari etnik Iban di Sabah. Pada tahun 1920 di Tawau, Sabah, masyarakat etnik Iban tidak bergerak di kawasan ini dari Sarawak atau Kalimantan secara keseluruhannya. Kebenarannya ialah, kampung Iban dibentuk apabila pendatang Iban, individu atau kumpulan kecil mula berkumpul di Tawau. Proses pembentukan kampung ini adalah sesuatu yang berbeza dari kampung-kampung Iban di Sarawak. Ini menunjukkan bahawa di dalam kampung yang sama, setiap ahli mempunyai sejarah kehidupan migrasi yang berbeza dari segi laluan, tempoh, latar belakang dan motivasi (Ryoji Soda et. all, 2011: 132).

Hubungan ikon pahlawan Iban dengan ikon topeng Iban mempunyai naratifnya sendiri. Rajah 6 menunjukkan perbandingan antara struktur arca, pahlawan Iban, topeng Iban, dan perisai Iban. Ini merupakan hubungan yang kuat antara ikon dan mempunyai makna di sebaliknya. Salah satu cerita rakyat dalam masyarakat Iban tentang asal usul ukiran dalam kisah pahlawan Iban Lang Ngindang dan Lang Kachang. Mereka telah bertempur dalam satu peperangan antara kumpulan masyarakat Iban. Dalam pertempuran yang sengit itu, mereka telah kepenatan, lalu berehat sambil melihat perisai masing-masing. Lang Ngindang melihat perisai Lang Kachang dan terpegun dengan kecantikan corak ukiran perisainya. Tetapi Lang Kachang merasa takut melihat corak ukiran pada perisai Lang Ngindang sehingga meremang bulu romanya dan lari dari pertempuran (Augustine Anggat Ganjing, 1991: 7).

Kajian kritikan psikoanalisis dijalankan bagi mengesan pemikiran, perlakuan, dan perasaan pengarca menghasilkan arca. Pengarca menyelami perasaan seorang pahlawan yang mempunyai pelbagai emosi bagi mempertahankan budayanya. Pahlawan Iban melalui perasaan suka, berani, dan takut dalam menghadapi musuh.

### **Kesimpulan**

Arca 'The protector' telah diserap dengan perasaan suka, berani, dan takut Mohd. Shaari Salleh semasa menghasilkan arca bagi menggambarkan perasaan seorang pahlawan Iban dalam menghadapi musuh yang ingin dialirakan kepada masyarakat. Arca berfungsi sebagai alat untuk menyedarkan masyarakat tentang pengorbanan seorang pahlawan dan jasa-jasa mereka.

### **Penghargaan**

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Baharudin Hj. Mohd, Dr. Zaimie Bin Sahibil, Mohd. Shaari Salleh, Pihak Balai Seni Lukis Sabah, dan Universiti Malaysia Sabah bagi menjayakan penulisan ini.

### Rujukan

- Abdolbaghi Rezaei, Syyed Hassan Syyedrezaei. 2013. The Contribution of Psychological Theories in Literary Criticism. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 84. pp. 1910.
- Augustine Anggat Ganjing. Terjemahan - Jonathan Singki. 1991. *Asas Ukiran Iban - Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia. pp. 7, 192.
- Borneo Post Online. 2010, 11 December. Solo Exhibition on Masks of Long Ago. Retrieve from <https://www.theborneopost.com/2010/12/11/solo-exhibition-on-masks-of-long-ago/>. 10/09/2019 4.03am
- Harison, B. C., Dye. T. R. 2008. *Power and Society - An Introduction to Social Science - Eleventh Edition*. Boston: Thomson Wadsworth. pp. 139.
- Ismail Ibrahim. 2005. *Sejarah Perkembangan Seni Lukis Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. pp. 116.
- Jurist, E. L. 2006. Art and Emotion in Psychoanalysis. *International Journal Psychoanal* 87. pp. 1315.
- Katalog Pameran - Katalog Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah - 2000, 2006, 2010, 2012 – Balai
- Seni Lukis Sabah. Katalog Pameran Karya Undangan - 2011 - Balai Seni Lukis Sabah.
- Panofsky, E. 1955. *Meaning in Visual Arts*. New York: Doubleday Anchor Books/ Doubleday & Company, Inc. pp. 28.
- Ryoji Soda, Logie Seman. 2011. Life Histories of Migrants: Bejalai Experience of Iban in Sabah, Malaysia. *Geographical Studies* No.86. pp. 132.